

Headline	IWK lancar projek Khazanah Rimba		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	18 Nov 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	14	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	210 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,452
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,356



## IWK lancar projek Khazanah Rimba

**KUALA LUMPUR** - Indah Water Konsortium (IWK) Sdn Bhd melancarkan projek hutan bandar mini dikenali sebagai Khazanah Rimba yang terletak di kawasan Pantai Eco Park dengan keluasan satu ekar.

Menerusi pelancaran itu, sebanyak 52 pokok hutan pelbagai jenis telah dikenal pasti untuk ditanam di kawasan berkenaan antaranya pokok tualang, gapis, kempas, dan bitangor.

Ketua Pegawai Eksekutif IWK, Narendran Maniam berkata, inisiatif hutan dalam bandar itu akan menjadikan kawasan Lembah Pantai sebagai tumpuan warga kota untuk mengenali dengan lebih dekat jenis pokok-pokok hutan di negara ini.

“Projek ini mendapat kerjasama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) yang telah membuat penilaian ke atas tanah di taman berkenaan dan mengenal pasti jenis pokok hutan yang bersesuaian.

“Khazanah Rimba akan turut mempamer-



**Xavier menanam pokok hutan di Khazanah Rimba sebagai gimik pelancaran.**

kan bagaimana pokok-pokok hutan ini ditanam dengan menggunakan baja yang terhasil daripada proses rawatan sisa kumbahan IWK dan dalam masa sama, bio-influen atau air telah dirawat akan turut digunakan dalam penjagaannya,” katanya sewaktu Majlis Pelancaran Khazanah Rimba dan Larian IWK 2Five Run yang berlangsung di Pantai Eco Park.

Pelancaran itu disempurnakan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS), Datuk Dr Xavier Jayakumar disaksikan Pengerusi IWK, Amiruddin Abdul Aziz.

Menerusi acara Larian IWK 2Five Run tersebut, seramai 500 kakitangan IWK, wakil agensi KATS serta warga Lembah Pantai turut sama mengambil bahagian bagi memeriahkan program ini.

Difahamkan, acara larian berkenaan itu juga dianjurkan bersempena ulang tahun perkhidmatan IWK yang ke-25.

Selain beriadah, IWK turut mengumpul sumbangan daripada kakitangan untuk diserahkan kepada keluarga yang memerlukan sebagai persembahan persekolahan bagi tahun hadapan.